



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 6 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KANAK-KANAK 9 TAHUN MAUT DICEKIK ABANG KANDUNG	
	https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/07/kanak-kanak-9-tahun-maut-dicekik-abang-kandung/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/266764/berita/semasa/kanak-kanak-9-tahun-maut-dicekik-abang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-sembilan-tahun-maut-dicekik-abang-kandung-426860	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/budak-9-tahun-maut-dicekik-abang-kandung/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/984672/adik-maut-dipercayai-dicekik-abang	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1122855/adik-9-tahun-maut-dicekik-abang	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/07/ibu-nampak-abang-cekik-adik-melalui-cctv/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984698/remaja-lelaki-cekik-adik-ditahan-polis	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KANAK-KANAK LUMPUH AKIBAT KECUAIAN HOSPITAL MENANG SAMAN RM5 JUTA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/266721/berita/semasa/kanak-kanak-lumpuh-akibat-kecuaian-hospital-menang-saman-rm5-juta	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/984566/kanak-kanak-lumpuh-akibat-kecuaian-hospital-menang-saman-rm56-juta	HMETRO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/05/kanak-kanak-lumpuh-kerana-kecuaian-ketika-lahir-dapat-rm5-6-juta/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1122699/mahka-mah-arab-bayar-rm5-juta-kepada-budak-3-tahun-lumpuh-akibat	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=CXixxeOIkRA	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SIMPANAN ASAS AHLI KWSP MASIH RENDAH	
	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1122550/simpanan-asas-ahli-kwsp-masih-rendah	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/07/984445/ketidakcukupan-simpanan-persaraan-amat-membimbangkan-kwsp	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/18-peratus-ahli-kwsp-ada-simpanan-asas-rm240000/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/266638/berita/nasional/hanya-30-peratus-pencarum-kwsp-capai-sasaran-simpanan-rm240000	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	LELAKI TUNJAL KEPALA WANITA DI CAMERON HIGHLANDS MOHON MAAF	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/lelaki-tunjat-kepala-wanita-di-cameron-highlands-mohon-maaf/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/video/2023/07/lelaki-tunjat-kepala-wanita-perjelas-isu-sebenar/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/lelaki-tunjat-kepala-wanita-di-cameron-highlands-mohon-maaf/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/266691/berita/semasa/abang-sado-tunjat-kepala-wanita-minta-netizen-henti-kecaman	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	CEBISAN TULANG TENGGORAK DAN GIGI GERAHAM SAH MILIK WAK ITHNIN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1122625/cebisan-tulang-tengkorak-dan-gigi-geraham-sah-milik-wak-ithnin	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/tengkorak-tulang-serta-gigi-sah-milik-ithnin-warsan/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	'HENDAK JUMPA ARWAH IBU', PESAKIT JANTUNG TERBALIK ADIK ADAM HEMBUS NAFAS TERAKHIR	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hendak-jumpa-arwah-ibu-pesakit-jantung-terbalik-adik-adam-hembus-nafas-terakhir-426800	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/266668/edisi/johor/derita-jantung-terbalik-adam-meninggal-dunia	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/kanak-kanak-derita-jantung-terbalik-meninggal-dunia/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	BUDAK TUJUH TAHUN JATUH SUNGAI BATANG KALI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984700/budak-tujuh-tahun-jatuh-sungai-batang-kali	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/266787/berita/semasa/budak-tujuh-tahun-hilang-jatuh-sungai-batang-kali	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lelaki-tujuh-tahun-hilang-jatuh-sungai-426867	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	GELAP MATA MAHU UNTUNG CEPAT, WANITA RUGI RM87,400.90	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/gelap-mata-mahu-untung-cepat-wanita-rugi-rm87400-90/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA SEBATANG KARA PERLUKAN DANA RAWAT KANSER	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/wanita-sebatang-kara-perlukan-dana-rawat-kanser/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	SUSPEK SAMUN WANITA GUNA PARANG DIBERKAS	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/suspek-samun-wanita-guna-parang-diberkas/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	TIDAK MAMPU BAYAR PENGASUH, RAMAI WANITA TERPAKSA BERHENTI KERJA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/tidak-mampu-bayar-pengasuh-ramai-wanita-terpaksa-berhenti-kerja/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	ABANG POLIS SADO BERI CERAMAH SAMBAL MENARI HIBUR KANAK-KANAK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/abang-polis-sado-beri-ceramah-sambil-menari-hibur-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	THE KNIGHTS AWARDS MAHU BANTU TINGKAT KESEDARAN MENGENAI KANSER KANAK-KANAK	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/the-knights-award-mahu-bantu-tingkat-kesedaran-mengenai-kanser-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/07/1122813/knights-award-bantu-tingkat-kesedaran-kanser-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	MALAYSIA PERLU SISTEM PERLINDUNGAN SOSIAL LEBIH INKLUSIF	
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/07/984456/malaysia-perlu-sistem-perlindungan-sosial-lebih-inklusif	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	LELAKI GAGAH DUDUK SANTAI MAIN TELEFON, IBU HAMIL DIBIAR BERDIRI TUNGGU GILIRAN	

<https://www.sinarharian.com.my/article/266600/suara-sinar/pojok/lelaki-gagah-duduk-santai-main-telefon-ibu-hamil-dibiar-berdiri-tunggu-giliran>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	PENGANGGUR DIDAKWA UGUT LIBAS BAPA DENGAN PISAU	

<https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/penganggur-didakwa-ugut-libas-bapa-dengan-pisau/>

KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	'SUSU KHAS, LAMPIN SEMAKIN MAHAL'	

<https://www.sinarharian.com.my/article/266597/berita/nasional/susu-khas-lampin-semakin-mahal>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	HELPING WOMEN TO BE SENSITIVE TO PERSONAL HEALTHCARE	

<https://www.dailyexpress.com.my/news/215687/helping-women-to-be-sensitive-to-personal-healthcare/>

DAILYEXPRESS.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	PERKASA GOLONGAN WANITA MELALUI BELANJAWAN 2023	

<https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/perkasa-golongan-wanita-melalui-belanjawan-2023/>

KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

6/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	[VIDEO] 6 WANITA JAPEN SELAMBA 'TAPAU' LAGU ZIANA ZAIN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/6-wanita-japen-selamba-tapau-lagu-ziana-zain/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	USIA BUKAN PENGHALANG, PASANGAN MUDA NEKAD JAGA ANAK YATIM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/266686/edisi/kelantan/usia-bukan-penghalang-pasangan-muda-nekad-jaga-anak-yatim	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	BUDAK HILANG DARI KELAS KAFA DITEMUI SELAMAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984692/budak-hilang-dari-kelas-kafa-ditemui-selamat	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	KECUAIAAN SEMASA LAHIR: IBU, ANAK DIBERI AWARD LEBIH RM8 JUTA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/266775/berita/semasa/kecuai-a-n-semasa-lahir-ibu-anak-diberi-award-lebih-rm8-juta	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	ELAK ANAK KEMALANGAN DI RUMAH, APA PATUT IBU BAPA BUAT?	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/07/1122895/elak-anak-kemalangan-di-rumah-apa-patut-ibu-bapa-buat	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

6/7/2023


BIL	PERKARA	SUMBER
25	380 PELAJAR OKU SERTAI ACARA RENTAS DESA DI KOTA BHARU	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2203718	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
26	LELAKI OKU DISYAKI BUNUH BAPA DITUDUH ESOK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984500/lelaki-oku-disyaki-bunuh-bapa-dituduh-esok	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	WHERE IS YOUR CONSCIENCE?: DISABLED ACTIVIST CONFRONTS BUS DRIVER PARKED BEHIND OKU SPOT	
	https://www.thesundaily.my/style-life/going-viral/where-is-your-conscience-disabled-activist-confronts-bus-driver-parked-behind-oku-spot-BJ11187530	THESUNDAILY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
28	WARGA EMAS MENINGGAL DUNIA SELEPAS MUNTAH DI RESTORAN	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/05/warga-emas-meninggal-dunia-selepas-muntah-di-restoran/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
29	WARGA EMAS RUGI RM40,000 DIPUKAU TIGA WANITA	
	https://wartaoriental.com/2023/07/05/warga-emas-rugi-rm40000-dipukau-tiga-wanita/	WARTAORIENTAL.COM



TAJUK : HOBI BERMOTOSIKAL ERAT HUBUNGAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 27

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hobi bermotosikal erat hubungan

Kelab Kanda Dinda Couple Rider menjadikan aktiviti serampang dua mata

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Sejang: Kebanyakan lelaki yang mempunyai motosikal berkuasa tinggi lebih selesa meluangkan masa dengan mengadakan aktiviti berkonvoi atau berkumpul bersama rakan.

Apabila aktiviti seumpama itu sering diadakan pada hujung minggu, sudah tentu masa bersama keluarga terpaksa dihadkan, sekali gus isteri 'makan hati' apabila suami tidak lekat di rumah seterusnya menjadi punca keretakan rumah tangga.

Namun, jika hobi seperti itu dilihat dari sudut positif, ia sebenarnya dapat merapatkan hubungan kekeluargaan dan merehatkan minda selepas penat bekerja.

Itulah dilakukan Presiden Kelab Kanda Dinda Couple Rider, Khairil Rizal Othman, 44, yang menjadikan hobinya umpama serampang dua mata melakukan aktiviti digemari di samping isteri, Shuhaiza Shuib, 37.

Bapa tiga orang anak berusia antara tiga hingga 12 tahun itu tidak menafikan sebelum ini lebih selesa untuk menunggang

motosikal secara berseorangan.

"Saya suka menunggang motosikal, pergi pelbagai tempat bersama rakan. Mulanya saya pun lebih selesa 'ride' seorang sebab takut sekiranya perjalanan jauh isteri tidak selesa.

"Kemudian, saya pujuk isteri ikut hobi ini, mula-mula puas juga pujuk. Bila dia nak, saya bawa pergi konvoi dekat-dekat dahulu dan sudah dua tiga kali ikut, kemudian dia selesa dan 'enjoy', kemudian barulah saya bawa ikut berkonvoi jauh sedikit seperti ke Betong dan Fak Bara di Thailand bersama rakan rapat lain. Mereka juga bawa isteri masing-masing," katanya.

Khairil Rizal sering berkongsi aktiviti di media sosial sebelum menerima banyak maklum balas positif daripada kenalan.

"Mulanya saya banyak berkongsi cerita perjalanan ini dengan rakan di Facebook, kemudian ramai berminat ikut dan membawa isteri masing-masing.

"Dari situ saya dan lima lagi rakan terfikir menubuhkan Kelab Kanda Dinda Couple Rider ini. Setakat ini, sudah menerima lebih 1,200 ahli," katanya.

Khairil Rizal mengakui, aktiviti seumpama itu mampu mengeratkan hubungan suami isteri kerana lebih banyak menghabiskan masa berdua. Ia juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

"Dahulu isteri tak banyak kawan, tetapi sejak banyak ikut 'ride' kawannya juga bertambah. Kalau dahulu dia paling tak suka



Shuhaiza mengikuti Khairil Rizal dalam setiap aktiviti Kelab Kanda Dinda Couple Rider. (Foto Rohanis Shukri/BH)

ikut untuk buat aktiviti seperti ini, tetapi bila sudah jumpa geng dalam kumpulan ini, mereka pula menyusun jadual nak 'ride' ke mana," katanya.

Luang masa bersama suami

Shuhaiza berkata, pada mulanya takut menyertai hobi ini, selepas dipujuk suami dan rakan.

"Kawan pernah berseloroh, lebih baik pergi sebelum suami bawa perempuan lain. Tapi bila fikir, betul juga apa dikatakan itu. Disebabkan itu saya terbuka hati sertai aktiviti ini.

"Saya akui aktiviti ini memang berisiko, tetapi luangkan masa

bersama suami sambil melayan hobinya," katanya.

Bagi Muhammad Azwan Rashidi, 43, berkata banyak manfaat sertai kelab konvoi itu yang bukan semata-mata berkumpul, melepak dan menunggang motosikal berkuasa tinggi.

"Kita juga ada bantu perniagaan rakan yang lain. Sebagai contoh, jika ahli kita ada buka restoran atau kedai makan, kita datang beramai-ramai dan makan di kedai berkenaan, sekali gus dapat beri sokongan kepada perniagaan rakan.

"Mereka juga beri sokongan perniagaan saya dengan mem-

beli topi, baju, pelekat dan pelbagai barangan lain dicetak dengan logo kelab ini," katanya.

Isteri Muhammad Azwan, Noorazmahidah Mahidin, 42, berkata isteri tidak perlu risau keberadaan suami masing-masing kerana kelab itu mesra keluarga.

"Kita pantau ahli menyertai kelab ini, hanya yang sudah berkahwin boleh bawa isteri, lelaki bujang tidak dibenarkan bawa teman wanita.

"Sebagai suri rumah, jadi aktiviti ini boleh dikatakan *me time* saya. Masa inilah saya boleh berehat dan bercerita pelbagai perkara dengan suami," katanya.



TAJUK : PASANGAN ORANG ASLI LEGA 4 ANAK DAPAT SIJIL LAHIR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 27

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pasangan Orang Asli lega 4 anak dapat sijil lahir



Ejon dan Faridah bersama anak mereka ketika ditemui di Kampung Gawin, Gua Musang baru-baru ini

Gua Musang: Penantian pasangan Orang Asli suku Temiar, di sini bagi mendapatkan sijil lahir untuk empat anak mereka sejak lapan tahun berakhir apabila Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) turun padang menyantuni masyarakat itu pada Program Outreach dan Kembara Mesra Rakyat baru-baru ini.

Pasangan, Ejon Busu, 37, dan Faridah Along, 35, dari Kampung Gawin, Pos Gob dibantu kakitangan JPN bagi pendaftaran lewat sijil lahir untuk empat anak mereka, iaitu Mek Kayek Ejon, 1, Aga Redu Ejon, 3; Aga Julian Ejon, 6; dan Aga Pinsol, 8.

Ejon lega empat anaknya berjaya didaftarkan untuk mendapatkan sijil lahir.

Dia mengakui penting memiliki sijil kelahiran anak, tetapi tidak dapat keluar membuatnya kerana masalah pengangkutan dan tinggal di kampung pedalaman.

"Saya sudah dimaklumkan kehadiran JPN yang ingin mem-

bantu penduduk dalam urusan pendaftaran lewat sijil lahir di sini, namun kerana jarak dari Kampung Gawin ke Kampung Gob agak jauh dan tiada kenderaan ke sana, saya terpaksa pendamkan hasrat itu.

"Saya tidak sangka mereka sanggup singgah di Kampung Gawin dalam perjalanan pulang dan membantu kami buat pendaftaran anak, penantian kami berakhir," katanya.

Program manfaat Orang Asli

Timbalan Pengarah JAKOA Kelantan Terengganu, Roslina Bun, berkata hasil Program Outreach dan Kembara Mesra Rakyat selama seminggu sebanyak 71 pendaftaran lewat kelahiran dan membuat kad pengenalan diselesaikan yang membabitkan pelbagai agensi kerajaan lain.

"Program ini bermanfaat kepada Orang Asli di pedalaman, terutama mereka sukar untuk keluar membuat urusan pendaftaran kelahiran.


"Seramai 53 penduduk juga membuat kad pengenalan, 18 kes daftar lewat kelahiran dan penyerahan kad pengenalan kepada beberapa penduduk," katanya ditemui di Kampung Bihai Lama, Pos Bihai, baru-baru ini.

Roslina berkata, lebih 300 kilometer (km) perjalanan melalui jalan tanah merah, berbatu dan berlumpur ditempuh ke perkampungan itu, tetapi berbaloi dapat membantu mereka.

"JKM juga dapat membantu 33 kes, termasuk permohonan bantuan dan kad untuk orang kurang upaya (OKU).

Pengerusi Peka GM, Mohd Syahbuddin Hashim, berkata pihaknya juga mengagihkan baju terpakai kepada Orang Asli hasil sumbangan orang ramai.

"Kami bawa 1,000 pakaian terpakai untuk lelaki dan wanita yang kami pilih dan bungkus untuk diagihkan golongan memerlukan di sana. Kami harap mereka juga gembira dengan usaha dilakukan ini," katanya.



TAJUK : 9 JAM JEJAK SUSPEK ROMPAK, TETAK WANITA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



KEADAAN dagu mangsa selepas dilibas dengan parang oleh penjenayah.

9 jam jejak suspek rompak, tetak wanita

Kota Tinggi: Hanya sembilan jam diperlukan polis bagi menjejak seorang penjenayah yang merompak rantai tangan emas dan menetak seorang wanita berusia 50-an di bahagian dagu di Felda Air Tawar 4, di sini, Ahad lalu.

Dalam kejadian 12.40 tengah hari itu, suspek kes samun berusia 30-an dikatakan memecah masuk kediaman mangsa dengan bersejatakan parang.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Hussin Zamora berkata, dalam kejadian itu, mangsa



Suspek kemudian cuba menekup mangsa yang sedang tidur di bilik menyebabkan berlaku pergelutan sebelum mangsa terjatuh di lantai. Suspek kemudian melibas parang, lalu mengenai dagu mangsa"

Hussin

yang bersendirian di rumah didatangi suspek yang bertopeng serta berparang.

Menurutnya, suspek kemudian cuba menekup mangsa yang sedang tidur di bilik menyebabkan berlaku pergelutan sebelum mangsa terjatuh di lantai.

"Suspek kemudian melibas parang, lalu mengenai dagu mangsa sebelum melarikan diri bersama rantai emas milik mangsa.

"Susulan laporan diterima, polis berjaya mengesan dan memberkas suspek yang juga warga tempatan di kawasan Felda sama jam 9 ma-

lam hari sama.

"Hasil ujian air kencing juga mendapati suspek positif dadah syabu selain turut memiliki dua rekod lampau kes dadah dan dua rekod kes jenayah," katanya.

Beliau berkata, susulan tangkapan suspek, polis juga berjaya menemui semula rantai tangan emas yang disamun suspek.

Hussin berkata, suspek kini direman bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan

Katanya, kes juga disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



TAJUK : NAFI LIBAS PISAU MENGUGUT BAPA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Oleh Hidayatidayu
Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seorang penganggur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret, di sini, semalam atas dakwaan melakukan ugutan jenayah dengan melibas dan mengacukan pisau terhadap bapanya, Ahad lalu.

Tertuduh, Mohd Shargawi Ismail, 39, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Penolong Kanan Pendaftaran Mahkamah Majistret, Tuan Ruzaini Tuan Lah.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan ugutan jenayah dengan menakutkan bapanya berusia 71 tahun sambil melibas dan mengacukan sebilah pisau di sebuah rumah di Kampung Pasir Hor, di sini, jam

Nafi libas pisau mengugut bapa

Penganggur tak mengaku salah guna objek tajam menakutkan warga emas usia 71 tahun

8.30 malam, pada 2 Julai lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwa-an dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa

Raya, Nursyafiqah Mohamad dan tertuduh diwakili penguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Nik Nasrun Nazmi Nik Mohamad.

Terdahulu, Nursyafiqah mencadangkan jumlah jaminan yang dikenakan sebanyak RM8,000 dengan syarat tambahan seperti tertuduh

dilarang mengganggu mangsa dan saksi yang terlibat.

Sementara itu, Nik Nasrun Nazmi memohon mahkamah mengurangkan jumlah jaminan kepada tertuduh.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM4,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 7 September depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Tertuduh diikat jamin RM4,000 dan 7 September depan tarikh sebutan semula kes



TAJUK : WANITA DITAHAN MENCURI DI PREMIS KECANTAIKAN, KESIHATAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita ditahan mencuri di premis kecantikan, kesihatan

Segamat: Sanggup mencuri produk penjagaan kecantikan dan kesihatan bernilai ribuan ringgit untuk cantik.

Itu tindakan wanita berusia 30 tahun dikesan menjadikan dua premis kecantikan dan kesihatan di sekitar Bandar Segamat di sini, sebagai sasaran.

Ketua Polis Daerah Segamat Superintendan Ahmad Zamry Marinsah berkata, suspek mencuri barangan bernilai RM1,600 bagaimana pun berjaya diberkas anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat di Bandar Putra, Segamat pada

jam 10 malam, Ahad lalu.

Beliau berkata, kegiatan suspek dikesan selepas pekerja premis terbabit mengesyaki perbuatan suspek yang hanya membayar sebahagian barangan dibelinya manakala sebahagian lagi disembunyikan di dalam beg tangan.

"Hasil pemeriksaan kamera rakaman litar tertutup (CCTV) mendapati suspek mengambil 15 pek pelbagai produk penjagaan kesihatan dan kecantikan berjumlah RM1,600.

"Suspek memilih barangan produk yang mempunyai nilai keberkesanan yang tinggi serta produk kosme-

tik dan penjagaan diri berkualiti di premis itu," katanya semalam.


Menurutnya, suspek warga tempatan mengenakan pakaian agak sopan dan tidak memakai pelitup muka.

Katanya, suspek yang mempunyai dua rekod curi jenayah lampau itu kini ditahan reman untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 380 Kanun Ke-

**“
Suspek mengambil
15 pek pelbagai
produk penjagaan
kesihatan dan
kecantikan
berjumlah RM1,600
Ahmad Zamry**



AHMAD Zamry (kanan) menunjukkan barangan kecantikan yang dirampas daripada seorang wanita.
- Gambar NSTP/AHMAD ISMAIL



TAJUK : WARGA EMAS TAK MAMPU JAGI DIRI, ANAK OKU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 11

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Seorang warga emas nekad menghubungi aktivis Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) untuk meminta bantuan kerana tidak mampu lagi menguruskan diri dan menjaga anak kurang upaya (OKU).

Rusli Sabudin, 73, terpaksa mengambil jalan 'akhir' itu selepas tidak tahu lagi bagaimana meneruskan hidup dalam keadaan uzur selepas menderita diabetes dan sakit badan sejak lebih 10 tahun lalu.

Lebih perit, pesara Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor itu menjaga anaknya yang juga seorang OKU selepas isterinya meninggal dunia dua tahun lalu.

Katanya, setiap hari dia mengharapakan bantuan jiran untuk membeli keperluan harian selain anak saudara yang menghantar makanan

Warga emas tak mampu jaga diri, anak OKU



Saya tidak tahu nak buat apa lagi. Nak berjalan pun susah, nak masak tak boleh. Keadaan rumah juga berselerak dan rosak”

Rusli Sabudin

untuk mereka berdua.

“Saya tidak tahu nak buat apa lagi. Nak berjalan pun susah, nak masak tak boleh. Keadaan rumah juga berselerak dan rosak.

“Sebelum ini ketika badan masih kuat, saya gagahkan diri ke surau. Kadang-kadang ada makanan dise-



RUSLI (kanan) terpaksa meminta bantuan Badaruddin kerana tidak berupaya menguruskan diri dan anaknya.

diakan. Jika tidak saya terpaksa harapkan jiran.

“Ada ketikanya, saya dan

anak tak makan selama tiga hari kerana tiada siapa yang boleh bantu. Kalau boleh, sa-

ya tak nak susahkan orang,” katanya yang meminta bantuan aktivis Mapim iaitu Ba-

daruddin Dawam.

Sementara itu Badaruddin berkata, setiap hari Rusli akan dibantu oleh jiran-jiran di Seksyen 24, Shah Alam untuk membeli makanan.

Selain itu, anak saudara bekas pemandu PKNS itu juga akan datang dari Klang menghantar makanan untuk dua beranak itu.

Katanya, pihaknya menghulurkan bantuan segera kepada Rusli bagi meringankan beban ditanggung.

“Sedih melihat keadaan dia yang tidak upaya menguruskan diri, rumah dan seorang anak OKU berusia 31 tahun.

“Mujur jiran di sini baik hati dan sering membantu. Difahamkan, sebelum ini dia juga menerima bantuan lain, tetapi diberhentikan.

“Saya akan semak dengan pihak berkuasa bagi mengetahui puncanya,” katanya.



TAJUK : GRIEVING FAMILY GRATEFUL FOR SMOOTH BURIAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Grieving family grateful for smooth burial

KUANTAN: The family members and relatives of the victims who died in the Jeram Air Putih water surge are relieved to have been able to fulfil their responsibilities of burying their loved ones.

They could only utter words of gratitude to those who helped recover the bodies of the victims.

Mohd Ismail Eiyi, 36 — who is the younger brother of Azizah Eiyi, 40, one of those killed in the tragedy — said the family was relieved, even though the burial only involved seven bodies out of the nine family members lost in incident.

“Alhamdulillah. The burial went smoothly.

“Although we were able to bury only seven of them, it is all right,” he told reporters after the funeral at Felda Lepar Hilir 3 Islamic Cemetery, here, on Tuesday night.

The remains of Azizah and her husband Karim Abdullah, 39, and their five children — Muhammad Zulqarnain Haikal Karim, 11; Pu-

tri Nurnerina Natasya, 10; Muhammad Haziq Ziqree Karim, 6; Putri Aryana Umaira Karim, 4, and Putri Balqis Izzati Abdul Rahman, 18 — were buried in one grave.

The bodies of the seven victims arrived in seven hearses accompanied by a police patrol car from Sultanah Nur Zahirah Hospital in Kuala Terengganu.

They were first brought to Ubudiah Mosque at Felda Lepar Hilir 3 for funeral prayers.

Also present at the funeral were Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Felda chairman Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek and Pahang police chief Datuk Yahaya Othman.

Ismail said the family was now preparing for the funeral of Putri Alleya Maisarah Karim, 16, whose body was found on Tuesday.

They are also praying that another one of his nieces, Putri Nor Fatin Karim, 14, who is still missing, will be found.

Bernama



TAJUK : RM5.3M AWARD FOR GIRL LEFT PARALYSED

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

TETRAPLEGIC

RM5.3M AWARD FOR GIRL LEFT PARALYSED

Three-year-old paralysed from the neck down due to medical negligence during her Caesarean birth

RAHMAT KHAIRULRIJAL
KUALA LUMPUR
rahmat@nst.com.my

THE High Court awarded more than RM5.3 million to a three-year-old girl who was left paralysed from the neck down due to medical negligence during her delivery.

The girl, who was born on May 12, 2020, via Caesarean section,

suffered a spinal cord injury leaving her a tetraplegic.

She now depends on a ventilator and has a tracheostomy attached to her.

The girl, through her parents, sued the government and 18 medical officers attached to the government hospital over the incident.

However, on July 26 last year, the government admitted liability after which the plaintiff with-

drew claims against the other respondents.

Judge Datuk Akhtar Tahir, in his judgment, said no amount of money could lessen the pain and suffering of the plaintiff.

Akhtar said the court must give sufficient compensation to cover the plaintiff for the rest of her life.

"The court is of the view the amount of damages awarded must compensate as best as possible the additional expenses that will be incurred by caregivers in caring for the plaintiff with the disabilities suffered.

"However, the amount must discount normal expenses incurred in the upbringing of a

healthy and normal child.

"The court also cannot accept the contention of the defendant (the government) that the best place for treatment is government facilities that are free or cheap."

Akhtar said the place and manner for treatment must be determined by the caregivers, in this case, the parents.

"The parents must not be shackled by the burden of choosing cheaper treatment as opposed to better and more timely treatment.

"The court's duty in assessing damages is to provide the plaintiff with a budget that will provide the best medical care for the

duration of the girl's life expectancy.

"The court is confident in this case that the caregivers, being the parents, will be prudent in using the budget in the best possible manner for the best treatment."

He added that the court also viewed it necessary for a trained nurse to be available in the event of an emergency or a regular visit.

It was learnt that the hospital, in its internal inquiry, revealed that the medical officer involved in the incident had no experience to perform the surgery.

The surgery was also done without supervision by any obstetrician and gynaecologist.



TAJUK :	ELDERLY DRIVER SERIOUSLY INJURED IN COLLISION WITH 4WD		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	06 JUL 2023	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Elderly driver seriously injured in collision with 4WD

SIBU: A 71-year-old man sustained serious injuries after the car he was driving collided with a four-wheel-drive (4WD) vehicle at Mile 14, Jalan Sibubintulu here yesterday.

In a statement, the Sarawak Fire and Rescue Department (Bomba) operations centre said they received a call on the accident at 8.33am and rushed a team of five from the Sibujaya fire station to the scene.

"Upon arrival at the location, the operation commander reported that the accident involved two vehicles, with one of the drivers trapped inside his car," said the statement.


The statement said the driver of the 4WD did not suffer physical injuries.

Firefighters had to use rescue tools to extricate the trapped car driver, who suffered serious injuries and was semi-conscious.

He was later handed over to medical personnel for further action.



A firefighter works to extricate the trapped car driver. — Bomba photo



TAJUK : MAN PLEADS NOT GUILTY TO INTIMIDATING HIS WIFE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man pleads not guilty to intimidating his wife

KUCHING: A man, 32, claimed trial at a magistrates' court here yesterday to committing criminal intimidation and causing hurt to his wife with a knife.

Syarhabil Hassanah Sedek pleaded not guilty to both charges before Magistrate Zubaidah Sharkawi who released him on RM4,000 bail with one local surety, and fixed Aug 29 for case management.

For the first charge, he was charged under Section 506 of the Penal Code for allegedly committing criminal intimidation against his wife, 26.

The indictment carries a jail term for up to seven years or a fine, or both, on conviction.

For the second charge, Syarhabil was charged under Section 324 of

the Penal Code read together with Section 326A of the same Code, for allegedly causing hurt against his wife with a knife.


He could be jailed up to 10 years or a fine or whipping, or any two of the punishment, upon conviction.

Syarhabil allegedly committed both offences at a premises in Jalan Matang here around 10am on June 30.

He is alleged to have suddenly become angry, hurt his wife and threatened to kill her.

Fearing for her safety, the woman lodged a police report which led to Syarhabil's arrest on July 1.

Insp Nur Syafiqah Nyaie Ilin prosecuted the case, while Syarhabil was unrepresented.



TAJUK : OVER RM8MIL AWARDED IN CHILDBIRTH NEGLIGENCE CASE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Over RM8mil awarded in childbirth negligence case

KUALA LUMPUR: The High Court here has awarded more than RM8mil to a woman and her four-year-old daughter who suffered severe and irreversible brain damage during the child's birth at a government hospital.

In the grounds of judgment issued on April 17, Judicial Commissioner Roz Mawar Rozain made the decision after the government confirmed the admission of liability for the plaintiff's claims with damages and costs.

In November 2020, the woman and her daughter filed a suit against the government and eight individuals, comprising medical officers and staff, for medical negligence.

However, on Jan 28, 2022, the High Court recorded a consent judgment that confirmed the admission of liability by the government, and the plaintiffs withdrew the suit against other defendants with no order as to costs.

Roz Mawar awarded both plaintiffs RM209,172 for special damages and general damages of RM500,000 to the first plaintiff (the child), and RM114,000 to the mother.

"Both the plaintiffs are awarded aggravated damages in the sum of RM350,000. For future general damages, the first plaintiff is awarded a total of RM6,954,156 for 40 years.

"This court finds that a reasonable amount because, on average, her care amounts to RM173,853.90 per year. The court also ordered RM215,177.25 for costs," she said.

In her judgment, Roz Mawar said the pain and suffering also extends to the second plaintiff and the rest of her family.


"The amount of damages awarded may, at first instance, look like a fortune, but when employed according to this court's order, it would only ensure some convenience for her survival," she said.

According to Roz Mawar, this was a tragic case where the first plaintiff suffered severe and irreversible brain damage at birth on March 17, 2019, at the government hospital, and the second plaintiff, who had a high-risk obstetric history, and was initially scheduled to undergo an emergency lower segment caesarean section on March 18, 2019.

"By 8pm on March 17, 2019, the first plaintiff in utero showed signs and symptoms of bradycardia (slower than normal heart rate). Despite detecting that, a delayed decision was made at 9.20pm for the second plaintiff to undergo an emergency caesarean.

"Nonetheless, further delays followed before the first plaintiff was delivered at 10.14pm. It was noted at birth that the first plaintiff suffered hypoxic-ischemic encephalopathy (brain injury due to insufficient oxygen) and its sequelae (or after-effects), including severe brain damage," said Roz Mawar.

Meanwhile, the duo's counsel, Karthi Kanthabalan, said the government had filed an appeal. — Bernama



TAJUK :	380 PELAJAR OKU SERTAI ACARA RENTAS DESA DI KOTA BHARU		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	06 JUL 2023	M/SURAT :	14
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

380 pelajar OKU sertai acara rentas desa di Kota Bharu

KOTA BHARU: Seramai 380 pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dari 39 buah sekolah sekitar daerah ini menyertai Kejohanan Merentas Desa anjuran Persatuan Anak-Anak Istimewa Kelantan (PAIK) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Bharu.

Pengerusi PAIK Wan Nor Sham Husni berkata kejohanan itu melibatkan pelajar dari 17 sekolah menengah dan 22 sekolah rendah, terdiri daripada pelbagai kelainan upaya termasuk penglihatan, pendengaran, masalah pembelajaran dan

Sindrom Down.

“Program berkenaan meliputi tiga kategori iaitu kategori bawah 19 tahun, kategori bawah 15 tahun dan kategori bawah 12 tahun dengan jarak larian antara tiga kilometer (km) sehingga tujuh km di sekitar Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Mas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Mas.

“Lebih 200 orang urusetia termasuk guru-guru yang berkenaan dipertanggungjawabkan bagi memastikan program ini berjalan lancar selain untuk mengelakkan berlakunya sebarang kejadian yang tidak diinginkan sepa-


njang larian berlangsung,” katanya kepada pemberita di Kejohanan Merentas Desa di SK Tanjung Mas, di sini semalam.

Wan Nor Sham berkata acara itu dapat mencungkil bakat baharu dalam kalangan anak-anak istimewa selain dapat membentuk jati diri, mewujudkan keyakinan dan semangat kesukanan mereka.

“Kita juga berhasrat untuk melakukan program larian rentas desa ini di peringkat kebangsaan pada masa akan datang agar lebih ramai peserta dapat menyertainya,” katanya. — Bernama



BUKAN HALANGAN: Para pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) ketika menyertai Kejohanan Merentas Desa anjuran Persatuan Anak-Anak Istimewa Kelantan (PAIK) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Bharu di Sekolah Kebangsaan Tanjung Mas, dekat Kota Bharu semalam. — Gambar Bernama



TAJUK :	LELAKI MENGAKU TIDAK BERSALAH UGUT BUNUH, CEDERAKAN ISTERI		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	06 JUL 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Lelaki mengaku tidak bersalah ugut bunuh, cederakan isteri

KUCHING: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas tuduhan mengugut mahu menyebabkan kematian isteri dan mencederakan mangsa menggunakan sebilah pisau.

Majistret Zubaidah Sharkawi memberikan iktikaf jamin RM4,000 berserta seorang penjamin tempatan terhadap Syarhabil Hassanah Sedek, 32, yang membuat pengakuan tersebut sebaik didakwa atas dua pertuduhan.

Zubaidah juga menetapkan 29 Ogos 2023 sebagai pengurusan kes.

Mengikut pertuduhan pertama di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan, tertuduh didakwa melakukan ugutan jenayah dengan mengugut hendak menyebabkan kematian terhadap isterinya yang berusia 26 tahun.

Sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pertuduhan kedua di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama

menyaksikan dia didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap mangsa sama dengan menggunakan sebilah pisau pemotong kertas.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan, atau mana-mana daripada dua seksaan tersebut.


Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukannya pada 30 Jun lalu, sekitar jam 10 pagi di sebuah premis di Jalan Matang di sini.

Difahamkan, tertuduh tiba-tiba naik angin dan mencederakan mangsa, sebelum bertindak mengugut hendak membunuh mangsa.

Selain itu difahamkan, mangsa tidak mengetahui punca tertuduh bertindak sedemikian.

Mangsa yang khawatir akan keselamatan diri membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya dan tertuduh ditangkap pada keesokan hari (1 Julai 2023).

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Syafiq Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.



TAJUK : PEMANDU WARGA EMAS PARAH TERSEPIT DALAM KEMALANGAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 01

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pemandu warga emas parah tersepit dalam kemalangan

SIBU: Seorang lelaki warga emas cedera parah dalam kemalangan jalan raya membabitkan dua kenderaan di Batu 14 Jalan Sibul-Bintulu, semalam.

Dalam kejadian sekitar jam 8.30 pagi itu, mangsa berusia 71 tahun ditemui dalam keadaan separuh sedar akibat tersepit di tempat duduk kereta yang dipandunya.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Bomba Sarawak memaklumkan, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian pada jam 8.33 pagi.

Bertindak atas maklumat, sepasukan lima anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sibul Jaya dikejarkan ke lokasi untuk menjalankan operasi penyelamatan.

"Setibanya di lokasi didapati kemalangan melibatkan sebuah kereta kompak dan sebuah kenderaan pacuan empat roda (4WD).

"Pemandu kereta kompak didapati berada dalam keadaan cedera parah dan separuh sedar, manakala lelaki berusia 37 tahun yang memandu 4WD tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Mangsa kemudian berjaya dikeluarkan oleh pihak bomba dan seterusnya diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tindakan selanjutnya," katanya.



GEGAS: Anggota bomba berusaha mengeluarkan mangsa yang tersepit di dalam keretanya yang bertembung dengan sebuah 4WD di Batu 14 Jalan Sibul-Bintulu, pagi semalam.

Operasi selesai selepas Pasukan Keluaran Operasi (PKO) memastikan keadaan di tempat kejadian selamat.



TAJUK :	PEMUDA CURI DUIT NENEK KENA BON JAGA KEAMANAN SELAMA ENAM BULAN		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	06 JUL 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Pemuda curi duit nenek kena bon jaga keamanan selama enam bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret semalam memerintahkan seorang pemuda untuk menjalani bon menjaga keamanan selama enam bulan dengan bon RM1,000 (tidak didepositkan) kerana mencuri wang tunai RM3,000 milik neneknya yang berusia 74 tahun.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Zaiton Anuar selepas tertuduh Daniel Ting Ze Yon, 22, mengaku bersalah di bawah Seksyen 67 Kanun Tatacara Jenayah.

Tertuduh yang merupa-

kan pekerja kedai makan itu didakwa melakukan perbuatan tersebut pada 27 Jun lalu, sekitar jam 4 petang di kediaman mangsa di Taman Stampin Barat.


Fakta kes mendedahkan tertuduh bertindak mencuri wang mangsa yang diletakkan di dalam almari pakaian bilik tidur mangsa.

Semasa kejadian juga, hanya mangsa dan tertuduh sahaja yang berada di rumah dan mangsa mengesahkan bahawa ini bukan kali pertama tertuduh mencuri.

Oleh itu, mangsa yang tidak tahan dengan perbuatan tertuduh telah membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapannya.

Difahamkan, tertuduh mencuri wang neneknya kerana memerlukan wang untuk membayar hutang dan juga untuk permainan judi dalam talian.

Tertuduh tidak diwakili peguam, manakala pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang.



TAJUK : PERANAN IBU BAPA PENTING BENTUK KECEMERLANGAN MURID

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 06 JUL 2023

M/SURAT : 08

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Peranan ibu bapa penting bentuk kecemerlangan murid

LABUAN: Kejayaan seorang murid tidak hanya terletak pada usaha dan kesungguhan yang dimainkan oleh guru sebaliknya peranan ibu bapa juga sangat penting dalam membantu mencorakkan masa depan anak-anak mereka.

Komander Pangkalan Udara Labuan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Brig Jen Muhammad Taha Hamdan berkata, semua guru-guru dan ibubapa perlu bersama-sama mendidik anak-anak bukan sahaja dalam ilmu pelajaran tetapi juga adab dan budi bahasa kerana mereka adalah aset negara.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan (SK) Membedai bagi Sesi 2022/2023 di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Guru Besar SK Membedai Mohamed Al Ghaffar Mohamed Maidin



CERIA: Guru-guru SK Membedai bergambar kenangan dengan Muhammad Taha (tengah) dan Mohammed Al Ghaffar.

berkata, majlis seumpama ini sangat bermakna kepada kehidupan anak-anak kerana program ini akan memberi semangat kepada murid-murid untuk berusaha dengan lebih gigih mencapai kecemerlangan.

“Kerjasama dan sokongan yang berterusan daripada

ibu bapa akan meningkatkan lagi semangat warga sekolah untuk terus mencatat kejayaan membanggakan dalam kalangan murid,” katanya.

Pada majlis itu, Muhammad turut menyampaikan Anugerah Ikon Harapan Sukan dan Permainan

kepada Irsyad Altamis Mohd Ilyas, Anugerah Ikon Harapan Kelab dan Persatuan (Nurin Qistina Darman) dan Anugerah Ikon Harapan Unit Beruniform (Rafay Nuwair Rozaiman).

Anugerah Ikon Harapan Sahsiah Tahap 1 dan 2 pula

diterima masing-masing Nur Aisyatul Zahra Mohd Basyiruddin dan Hannah Mayang Balang.

Manakala, Anugerah Cemerlang Akademik Tahap 1 dan 2, masing-masing diraih Irsyadyni Aulia Mohd Ezuwan dan Nurin Qistina Darman.